

MSWG**MINORITY SHAREHOLDER WATCHDOG GROUP****Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad**

Incorporated in Malaysia * Company No. 524898-M

The Observer

5 Disember 2014

MESEJ KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF



Petronas dijangka mengkaji semula perbelanjaan modal 5-tahun syarikat sebanyak RM300 bilion atau RM60 bilion setahun pengurangan sebanyak 20% memandangkan harga minyak mentah dunia jatuh menjunam sejak beberapa bulan kebelakangan ini. Ini boleh memberikan kesan terhadap industri minyak di mana pendapatan industri mungkin berkurangan dan semakan semula anggaran pendapatan mungkin perlu dilakukan.

Kejatuhan harga minyak sekiranya mendadak dan dengan kuantum yang tinggi boleh menjejaskan hasil dan belanjawan negara. Ia adalah kesan daripada aktiviti pelaburan yang terjejas sekaligus boleh mengakibatkan kesan negatif terhadap pertumbuhan ekonomi memandangkan Malaysia adalah negara pengeksport bersih.

Angka-angka kewangan nampak kurang menyenangkan. Dijangkakan bagi setiap penurunan 1 Dolar AS bagi harga minyak mentah, pendapatan negara secara teori boleh menyusut sebanyak RM1 bilion. Walaupun rasionalisasi subsidi dan komoditi lain seperti minyak kelapa sawit dan industri pembuatan mungkin sedikit sebanyak boleh menampai kesan penurunan harga minyak, impak akhir akan bergantung kepada tahap kejatuhan harga minyak, penyusutan nilai ringgit dan permintaan global.

Kita perlu menyediakan diri untuk menghadapi suasana sukar dalam tempoh masa terdekat. Syarikat-syarikat dinasihatkan untuk mengkaji semula strategi dan perbelanjaan modal mereka agar dapat mengharungi situasi ekonomi yang kurang menentu ini. Pada masa sebegini 'tunai adalah raja'.

Dalam ketidak tentuan harga komoditi, Indeks KLCI turut jatuh sebanyak 75.2 mata atau 4.1% dalam tempoh seminggu daripada 1,820.89 kepada 1,745.69. Ringgit juga telah jatuh sebanyak 2% berbanding beberapa mata wang utama lain di rantau ini.

Salam,

Rita

KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF/ MSWG DI DALAM BERITA

MSWG TO HONOUR TOP PUBLIC-LISTED FIRMS

<http://www.nst.com.my/node/58243>

KATEGORI ANUGERAH MSWG BERTAMBAH

http://www.mswg.org.my/download.php?f1=news&f2=1000755&f3=docs_pub&f4=987661309

Penganalisa MSWG

Lya Rahman, Pengurus Besar, Khidmat Korporat, lyarahman@mswg.org.my

Chong Chee Fern, Pengurus Besar, Pemantauan Korporat chongcf@mswg.org.my

Rebecca Yap, Ketua, Pemantauan Korporat rebecca.yap@mswg.org.my

Quah Ban Aik, Ketua, Pemantauan Korporat banaik.quah@mswg.org.my

Norhisam Sidek, Pengurus, Pemantauan Korporat norhisam@mswg.org.my

Shahnul Niza Bin Dato' Dr. Mohd Yusof, Pengurus, Pemantauan Korporat shahnul.niza@mswg.org.my

Lee Chee Meng, Pengurus, Pemantauan Korporat cheemeng@mswg.org.my

Wong Kin Wing, Pengurus, Pemantauan Korporat, kinwing@mswg.org.my

Nor Khalidah Khalil, Penganalisa, Pemantauan Korporat khalidah@mswg.org.my

Vinodth Ramasamy, Penganalisa, Pemantauan Korporat vinodth.ram@mswg.org.my

PENZAHIRAN KEPENTINGAN

- *Sehubungan dengan syarikat-syarikat yang dinyatakan, MSWG memegang jumlah saham yang minima di dalam syarikat-syarikat yang dinyatakan di dalam surat berita ini.*

Maklumbalas

Kami mengalu-alukan maklumbalas anda mengenai surat berita dan khidmat kami. Sila e-mel komen dan cadangan anda ke mswg.ceo@mswg.org.my

PENOLAKAN TUNTUTAN

Surat berita ini dan isi kandungannya berserta semua hak-hak berkaitan dengannya termasuk hak cipta dimiliki oleh Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad, juga dikenali sebagai Minority Shareholder Watchdog Group (MSWG).

Isi kandungan dan pendapat yang dinyatakan di dalam surat berita ini adalah berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada domain awam dan bertujuan untuk memberikan maklumat umum kepada pengguna dan adalah untuk rujukan sahaja. Usaha terbaik telah dilakukan untuk memastikan maklumat yang terkandung di dalam surat berita ini adalah tepat dan terkini pada tarikh penerbitan. Walaubagaimanapun, MSWG tidak membuat sebarang waranti nyata atau tersirat atas ketepatan atau kelengkapan maklumat dan pendapat yang terkandung di dalam surat berita ini. Tiada maklumat di dalam surat berita ini yang bertujuan atau patut dianggap sebagai syor untuk membeli atau menjual atau jemputan untuk melanggan sekuriti tertentu, pelaburan yang berkaitan atau mana-mana instrumen kewangan.

MSWG perlu diberikan perakuan bagi mana-mana bahagian surat berita ini yang diterbitkan semula.

MSWG tidak akan bertanggungjawab atau menanggung sebarang liabiliti atas kebergantungan kepada sebarang maklumat atau komen yang terkandung di dalam surat berita ini atau jika ianya diterbitkan semula oleh pihak ketiga. Semua pembaca atau pelabur dinasihatkan supaya mendapatkan nasihat perundangan atau nasihat profesional yang lain sebelum mengambil sebarang tindakan berdasarkan surat berita ini.